

KHUTBAH JUMAAT

“NUZUL AL-QURAN DAN 10 MALAM TERAKHIR RAMADAN” (30 April 2021M/ 18 Ramadan 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ
تَبَيَّنًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا
الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk : ‘**Nuzul Al-Quran Dan 10 Malam Terakhir Ramadan**’.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran adalah kalam Allah, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, yang tertulis pada mushaf-mushaf, yang disampaikan dengan periwayatan yang mutawatir dan menjadi ibadah apabila membacanya. Demikianlah para ulama

memberikan pengertian al-Quran agar kita mengenalinya, membaca dan berusaha untuk memahaminya.

Nuzul Al-Quran pula iaitu peristiwa penurunan al-Quran yang berlaku dalam tiga peringkat, iaitu:

Peringkat pertama : Allah *subhanahu wata'ala* menurunkan al-Quran ke *Lauh Mahfuz* secara sekali gus.

Peringkat kedua : Turunnya secara keseluruhan dari Lauh Mahfuz ke Baitil Izzah di langit dunia pada malam al-Qadar dalam bulan Ramadan.

Peringkat ketiga : Al-Quran adalah wahyu Allah buat kali pertamanya diturunkan secara berperingkat-peringkat daripada *Baitil Izzah* kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pada malam ke 17 dalam bulan Ramadan, 13 tahun sebelum hijrah baginda *sallallahu alaihi wasallam* ke Madinah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Saban waktu kita mendengar tentang pelbagai penemuan baru dalam bidang sains, sejarah mahupun ilmu-ilmu yang lain yang menunjukkan kepada kebenaran al-Quran. Antaranya ialah hakikat matahari beredar pada orbitnya sendiri seperti dijelaskan dalam surah Yasin ayat 38, tempat pertempuran Rom dan Parsi adalah tempat yang paling rendah sekali di dunia sebagaimana dijelaskan dalam surah ar-Rum ayat 3, cap jari manusia tidak ada yang sama, ilmu-ilmu forensik dan DNA disebut juga dalam surah Qiyamah ayat 4, dan lain-lain. Semuanya baru ditemui oleh saintis pada zaman

moden ini, tetapi telah diberitahu oleh Al-Quran sejak lebih 1400 tahun yang lalu.

Hadis daripada Abu Umamah al-bahili R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

((اِقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ))

Maksudnya : *Bacalah Al-Quran, kerana ia akan datang memberi syafa'at kepada para pembacanya pada hari kiamat nanti.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Saksikanlah, bagaimana Ummu Aiman *radiallahu anha* pengasuh Nabi *sallallahu alaihi wasallam* sewaktu baginda kecil, merasai kesedihan atas terhentinya wahyu. Abu Bakar as-Siddiq dan Umar al-Khattab *radiallahu anhuma* telah menziarahi Ummu Aiman *radiallahu anha* selepas kewafatan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* kerana meneruskan kebiasaan baginda menziarahi bekas pengasuhnya itu. Dan ketika mereka sampai di tempatnya, Ummu Aiman *radiallahu anha* pun menangis. Lalu mereka berdua berkata kepadanya:

“Kenapa kau menangisi baginda? Bukankah apa yang ada di sisi Allah itu lebih baik bagi Rasul-Nya? Ummu Aiman menjawab: Bukanlah aku menangis kerana aku tak tahu bahawa apa yang ada di sisi Allah itu lebih baik bagi Rasul-Nya. Tetapi aku menangis kerana dengan wafatnya baginda, bererti wahyu dari langit telah

terputus. Ummu Aiman pun membuat mereka berdua bersedih dan akhirnya mereka berdua pun menangis bersamanya.”

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Lihatlah, bagaimana para sahabat menghargai wahyu yang diturunkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Lihatlah bagaimana mereka merindui zaman penurunan wahyu dari langit. Mereka merasai indahnyanya hidup ketika turunnya malaikat Jibril masih membawa wahyu kepada manusia melalui baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Apa yang tinggal pada kita adalah kitab yang mengandungi wahyu tersebut. Kitab yang mencatatkan segala bicara Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita. Marilah kita mengajak keluarga kita, saudara mara kita, jiran-jiran kita, sahabat-sahabat kita dan seluruh kenalan kita untuk sentiasa mendampingi al-Quran. Peruntukkanlah masa setiap hari untuk membacanya, memahami makna dan sentiasa mengambil iktibar dengan melaksanakan tuntutananya dalam kehidupan seharian kita.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kita sudah pun menghampiri sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Alangkah cepatnya masa berlalu meninggalkan kita. Ini bererti, masa yang berbaki daripadanya adalah sedikit. Maka kita perlu bersegera menggiatkan lagi usaha bagi meraih peluang ganjaran berlipat ganda, kasih sayang dan pengampunan daripada ilahi serta kesempatan bertemu dengan malam al-Qadar. Berkaitan dengan hal ini, Sayyidatina Aisyah *radhiallahu 'anha* berkata :

((كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرَ، شَدَّ مِئْزَرَهُ، وَأَخْيَا لَيْلَهُ، وَأَيَّقَظَ أَهْلَهُ))

Maksudnya : " Sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam apabila masuk sepuluh hari terakhir Ramadan, Baginda sallallahu 'alaihi wasallam akan mengetatkan kainnya (mempertingkatkan amal ibadah), menghidupkan malamnya (dengan amal ibadah) dan mengejutkan ahli keluarganya (untuk solat malam dan beribadah).

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita perkukuhkan jiwa kita dengan keimanan dan ketakwaan, memperbanyakkan doa, ibadah dan amalan, pada hari-hari yang terbaki dari bulan suci ini. Semoga Allah *subhanahu wa ta'ala* mengurniakan kepada kita peluang pada Ramadan kali ini untuk memperolehi kerahmatan dan kesejahteraan kehidupan kita di dunia dan akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin. Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 148 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِنَّ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya : Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; Oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepada-Mu sepanjang bulan yang agung ini, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami, Terimalah solat kami, puasa kami, amalan-amalan sunat yang telah kami kerjakan, kekhusyukan kami, perhambaan kami dan sempurnakanlah segala kekurangan yang ada pada diri kami. Perkukuhkanlah peribadi kami dan umat Islam seluruhnya dan perteguhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرَضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً. اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ
وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.